



05 DEC, 2022

JPWKL pupuk minat TVET, STEM

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Abdul Aziz (kiri) dan Norhayati melawat hasil inovasi pelajar SK Taman Kepong yang dipamerkan pada Gala Revolusi Industri 4.0 di Asia Pasific University of Technology & Innovation Kuala Lumpur, baru-baru ini.

JPWKL pupuk minat TVET, STEM

Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWKL) melalui Sektor Pembelajaran baru-baru ini menganjurkan Gala Revolusi Industri 4.0 membabitkan 40 pempamer terdiri daripada sekolah kerajaan, universiti awam (UA) dan swasta selain pemain industri.

Program dua hari yang diadakan di Asia Pasific University of Technology & Innovation Kuala Lumpur adalah satu daripada usaha JPWKL bersama-sama agensi luar untuk memberi pendedahan mengenai pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pengarah JPWKL, Norhayati Ab Wahab, berkata program berkenaan dijalankan secara *hands-on* kepada murid dan guru mengenai faedah mengikuti pendidikan TVET dan STEM serta potensi laluan kerjaya.

Katanya, ia turut membuka peluang dan ruang kepada sekolah menjalinkan hubungan industri

selain menggalakkan aktiviti berkaitan keusahawanan di sekolah.

“Melalui program ini, potensi serta daya saing generasi muda dapat dibangun dan diperkasakan.

“Kita juga membuka peluang generasi muda mengaplikasi dan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran nilai STEM dalam kehidupan seharian,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian.

Turut hadir Ketua Pegawai Kawangan Asia Pasific University Technology and Innovation, Mohd Helmy Norman dan Timbalan Pengarah Pendidikan JPWKL, Abdul Aziz Md Hashim.

Pelbagai aktiviti menarik

Membawa tema ‘Memupuk masa depan mampan melalui inovasi’, pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang gala, antaranya STEM4FUN anjuran Kolej Pengajian Kejuruteraan Universiti Teknologi Mara dengan kerjasama Institute Electrical Electronic Engineering and Electron Devices Society (EDS) Malaysia.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, STEM4Fun adalah aktiviti pemindahan ilmu untuk memberi pendedahan dan memupuk minat murid terhadap mata pelajaran yang berteraskan STEM melalui demonstrasi penggunaan blok elektronik (*snap circuits*), dron, teknologi realiti tambahan (*augmented virtual reality*) dan robot.

Katanya, pendedahan itu direncanakan dengan tujuan menggalakkan pelajar memilih jurusan STEM pada peringkat pengajian tinggi dan seterusnya kerjaya.

“Antaranya seperti laluan kerjaya pelbagai bidang disiplin dalam kejuruteraan oleh pensyarah daripada pelbagai universiti, selain pengenalan teknologi kapal terbang, satelit di sekolah dan pertandingan TVET.

“Semua aktiviti ini dirancang untuk menarik minat generasi muda khususnya murid sekolah terhadap Pendidikan TVET dan STEM, sekali gus membuka minda mereka untuk bersiap sedia menghadapi cabaran IR4.0,” katanya.



05 DEC, 2022

JPWKL pupuk minat TVET, STEM

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Abdul Aziz (kiri) dan Norhayati melawat hasil inovasi pelajar SK Taman Kepong yang dipamerkan pada Gala Revolusi Industri 4.0 di Asia Pasific University of Technology & Innovation Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWKL) melalui Sektor Pembelajaran baru-baru ini menganjurkan Gala Revolusi Industri 4.0 membabitkan 40 pempamer terdiri daripada sekolah kerajaan, universiti awam (UA) dan swasta selain pemain industri.